

Imbuhan khas penjawat awam belum diputuskan

➔ Kerajaan perlu teliti semua aspek, kedudukan kewangan sedia ada

Oleh Rokaid Chik
bhkb@bh.com.my

► **Pasir Puteh**

Kerajaan belum membuat sebarang keputusan berhubung pemberian imbuhan khas kepada penjawat awam dan pesara kerajaan sebagai persiapan menjelang sambutan Aidilfitri bulan depan.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata kerajaan perlu meneliti semua aspek terutama kedudukan kewangan, sebelum membuat keputusan.

"Hingga hari ini tiada sebarang keputusan dibuat (berhubung pemberian imbuhan khas kepada kakitangan awam dan pesara)," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis Program Transformasi Komuniti Bergerak Orang Kampung Selising yang dirasmikan Anggota



Hingga hari ini tiada sebarang keputusan dibuat (berhubung pemberian imbuhan khas kepada kakitangan awam dan pesara)"

Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah,
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising, Zulkifli Ali, di sini, semalam.

Khamis lalu, Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menamatkan hasrat bertemu Datuk Seri Najib Razak bagi memohon pemberian bonus raya sebulan gaji kepada 1.6 juta penjawat awam menjelang Aidilfitri ini.

Nafi dakwaan

Mohd Irwan menafikan dakwaan yang tersebar menerusi media sosial, kononnya kerajaan sudah bersetuju membayar imbuhan sebanyak RM500 kepada setiap kakitangan awam dan pesara menjelang Aidilfitri ini.

Beliau berkata, terserah kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan sama ada bersetuju atau tidak untuk memberi imbuhan itu berasaskan kemampuan kewangan kerajaan.